

06/04/2003

Cetusan ilham dari bahan buangan

Ismail Mat

KREATIVITI dan imaginasi berupaya memberi nilai tambahan kepada bahan buangan, meskipun asalnya sekadar kepingan besi dan dawai terbuang.

Sebelum ini, pemilik La'Seri Collections iaitu Mohd Ali Mohd Nor, 35; kakaknya, Norlela, 39, serta rakan kongsi, Sahari Amis, 31, hanya menjual sisa barang terpakai itu kepada pengutip besi buruk.

Setiap bulan, bengkel kimpalan yang mereka usahakan di Jalan Apollo, Seksyen I Subang 2 itu, perlu membuang kira-kira setan sisa besi dan tin.

Meskipun hasil jualan itu hanya RM25 hingga RM30 saja, perkara itu bukan persoalan kerana jualan itu memudahkan mereka membersihkan bengkel.

Mohd Ali yang berkelulusan Kejuruteraan Mekanikal dari Institut Latihan Perindustrian, berkata sebelum mengusahakan bengkel itu, dia dan Sahari bekerja di kilang plastik.

"Saya meminati seni tetapi bekerja dalam bidang pembuatan plastik. Saya dan Sahari tidak pernah belajar kimpalan dan mempelajari sendiri semata-mata untuk membantu kilang.

"Meskipun, bekerja selama sembilan tahun dan menjimatkan kos kilang menerusi usaha kimpalan sendiri, namun tiada sebarang kemajuan kepada kami, membuatkan kami kecewa.

"Mulanya Sahari berhenti dan buka bengkel dulu, saya bantu lepas kerja dan cuti. Apabila dia tak berupaya berusaha sendirian, saya berhenti kerja untuk membantunya," katanya yang boleh dihubungi menerusi emel, laseriku@tm.net.my.

Beliau berkata, pada mulanya tumpuan mereka ialah kontrak kerja kimpalan untuk menyiapkan pintu pagar dan jeriji serta pendawaian elektrik di kawasan perumahan baru.

Katanya, ketika itu, operasi bengkel mereka menghasilkan banyak bahan buangan sisa besi dan tin daripada batang besi, kepingan keluli dan tin cat yang digunakan.

"Minat menghasilkan barangan kraf daripada sisa besi ini mulanya sekadar mengisi masa terluang di rumah bermula dengan sisa plastik yang dikumpul dari kilang.

"Bila berjaya menghasil suatu barang kraf daripada sisa plastik, saya mula memikirkan penggunaan sisa besi dari bengkel pula," katanya.

Sejak itu, dia bersama Sahari dan disertai kakaknya, Norlela yang berhenti secara sukarela daripada syarikat kewangan, mula menyiapkan pelbagai produk kraf berasaskan besi.

Ketiga-ketiga mereka saling berkongsi idea menyiapkan sesuatu produk. Idea produk itu segera diterjemahkan kepada lakaran pada kertas sebelum dibentuk daripada besi terbuang.

Hasil kreativiti dan imaginasi mereka, sejak pertengahan tahun lalu, longgokan sisa besi dan tin kosong berjaya ditukar kepada produk kraf besi yang berkonsep flora dan fauna.

Semua produk itu diperkenalkan menggunakan nama, La'Seri Collections. Ketika ini, produk itu dipamerkan Kompleks Wisma Rampai, Wangsa Maju.

Mereka juga sedang menimbang tawaran pameran di Putrajaya dan akan menyertai pameran tetap setiap bulan di Kompleks Penerangan Pelancongan (Matic) di Jalan Ampang, mulai April ini.

Tin cat kini ditukar menjadi pelindung lampu, kepingan keluli menjadi daun dan sayap serangga, dawai menjadi akar, batang paip menjadi tiang.

Hasilnya, antara kraf besi yang terbentuk termasuklah lampu tidur, lampu dinding, tempat letak lilin dalam pelbagai bentuk, termasuk serangga dan

tumbuhan, set meja dan kerusi taman da rak dapur.

Semua barangan terbabit dihasilkan secara eksklusif kerana setiap produk meskipun penggunaannya sama, saling berbeza antara satu sama lain.

Malah, pengguna yang membuat tempahan untuk mendapat dua barangan yang sama juga diberi ingatan bahawa setiap barangan itu pasti mempunyai sedikit perbezaan.

"Ini kerana, semua produk kraf besi ini dibuat dengan tangan. Pada mulanya, saya hanya menghasilkan barangan ini untuk kegunaan sendiri untuk hiasan di rumah adik beradik.

"Namun, jiran dan rakan yang melihat, berminat untuk memilikinya lalu meminta kami turut membuatnya untuk mereka. Dari situ, usaha kami ini dikenali pelanggan," katanya.

Norlela berkata, mereka turut menyertai jualan bonet kereta dan ketika jualan di Mont Kiara, mereka turut dikunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat ke situ.

"Barangan kraf besi kami menarik perhatiannya untuk bertanyakan lebih lanjut mengenai kaedah penghasilannya. Beliau memberi galakan kepada kami supaya meneruskan usaha ini.

"Pada Februari lalu, seorang jiran yang berkhidmat dengan Kraftangan Malaysia menyuruh kami menyertai Minggu Kraftangan Kebangsaan, bagi mempromosikan barangan seni ini," katanya.

Kemunculan barangan seni besi itu ternyata menarik perhatian ramai dan mereka berjaya menjual kira-kira 120 daripada 160 barangan yang dipamerkan di situ.

Mereka juga diberi galakan oleh pelbagai pihak dan agensi supaya mengembangkan usaha terbabit secara lebih meluas kerana produk itu menampilkan kreativiti kraftangan yang tinggi.

Norlela berkata, setakat ini, mereka bercadang mencari satu lokasi sebagai galeri menempatkan produk yang dihasilkan bagi memudahkan orang ramai melihat dan membeli barangan seni itu.

"Kami sedang berusaha memperluaskan pasaran produk La'Seri Collections dengan sasaran mempunyai sebuah galeri secepat mungkin dan usaha memasarkannya ke peringkat antarabangsa.

"Kami mahu menjadikan kraf besi ini sebagai perniagaan utama kerana penyediaan jeriji kini membabitkan kos tinggi dengan masa yang panjang tetapi keuntungan kecil kerana peningkatan harga besi yang berterusan," katanya.

Sahari berkata, bengkel mereka kini diperkuatkan lagi dengan empat pekerja kimpalan sepenuh masa yang turut diberi tunjuk ajar untuk membantu penghasilan kraf besi itu.

Katanya, penghasilan kraf besi dan penyiapan kontrak jeriji dijalankan secara selang seli bagi mengelak rasa bosan di kalangan pekerja.